

20/08/1999

PM ajak China bersama hadapi alaf baru

Mustapa Omar in Beijing

BEIJING, Khamis - Malaysia hari ini mengajak China dan negara-negara Asia Timur lain, bersama menghadapi segala cabaran pada alaf akan datang, berdasarkan hubungan dan kerjasama erat semua pihak.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, krisis ekonomi dan kewangan yang melanda negara-negara Asia Timur dalam tempoh dua tahun terakhir abad ini, memberi amaran jelas mengenai cabaran lebih sengit bagi rantau ini pada abad ke-21.

"Berdasarkan peluang yang terbuka luas serta perlunya langkah-langkah proaktif sepanjang masa, China dan Malaysia perlu berusaha mendapatkan kerjasama daripada negara-negara serantau lain.

"Hubungan rapat yang wujud di antara kedua-dua negara selama ini perlu diperluas kepada negara jiran berkenaan bagi memastikan masyarakat Asia Timur turut menikmati kemakmuran bersama.

"Oleh itu, apa yang diperlukan sekarang ialah China, Malaysia dan negara serantau lain sama-sama berusaha menjamin pemulihan ekonomi yang mantap bagi Asia Timur," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucaptamanya bertajuk 'Hubungan China-Malaysia: Cabaran dan Peluang Pada Abad ke-21' di Forum Malaysia-China Ketiga di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri China, Li Lanqing, serta kira-kira 700 usahawan dan pemimpin kedua-dua negara, turut hadir dalam forum anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) itu.

Dr Mahathir berkata, kejayaan Malaysia dan China mengekalkan hubungan baik selama ini secara tidak langsung membantu menggalakkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan pelaburan.

"Walaupun mengamalkan sistem politik dan sosial yang berbeza, kita tidak membenarkan perkara ini mengganggu hubungan sebaliknya kita memberi tumpuan kepada apa yang boleh memberi keuntungan bersama," katanya.

Perdana Menteri dalam rangka lawatan tiga hari ke China bermula semalam. Malam ini, beliau menghadiri Malam Persahabatan sempena ulang tahun ke-25 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Hubungan rasmi antara kedua-dua negara dimeterai di sini pada 31 Mei 1974, di antara Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan mendiang Chou En-Lai.

Mengenai krisis kewangan, Dr Mahathir berkata China dan Malaysia serta negara-negara jiran lain perlu mengkaji bagaimana cadangan Jepun menubuhkan Tabung Mata Wang Asia (AMF), dapat dilaksanakan.

Katanya, krisis kewangan yang melanda beberapa negara Asia Timur sejak dua tahun lalu membuktikan perlunya diwujudkan dana serantau bagi membolehkan usaha pemulihan ekonomi dapat dilaksanakan segera.

Perdana Menteri berkata, cadangan penubuhan AMF itu ditentang oleh Tabung Mata Wang Dunia (IMF) dan Amerika Syarikat, sehingga menyebabkan ia tenggelam begitu saja.

"Bagaimanapun, Tokyo baru-baru ini menimbulkan semula cadangan itu dan Malaysia percaya konsep berkenaan wajar diberikan sokongan.

"Oleh itu, adalah baik bagi Beijing dan Kuala Lumpur membincangkan perkara berkenaan dan melihat bagaimana kita serta negara serantau lain dapat memujuk Jepun menyediakan sumber kewangan yang besar bagi menjayakan AMF," katanya.

Mengenai pembaharuan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya bagi kedua-dua negara melaksanakan

tindakan bersama untuk merubah badan dunia itu.

China serta Malaysia berkongsi pandangan bahawa PBB tidak boleh dikuasai oleh sesuatu pihak sahaja, terutama dalam menangani perkara yang membabitkan masyarakat antarabangsa.

"Sebagai satu-satunya anggota dalam Majlis Keselamatan, China bersama Malaysia boleh berkerjasama memperkenalkan perubahan dalam badan dunia itu," katanya.

Dr Mahathir turut mencadangkan supaya China, Malaysia dan negara Asia Timur lain dapat bersama mewujudkan perdamaian di rantau ini berdasarkan Pax Aseana, sekali gus membina masyarakat Asia Timur yang aman damai pada abad ke-21.

Beliau juga menyentuh mengenai perlunya China dan Malaysia bekerjasama dengan negara-negara serantau bagi mewujudkan Media Asia, berikutan laporan berat sebelah oleh media Barat.

Katanya, negara-negara Asia Timur bimbang dengan tindakan media Barat yang sering membuat laporan tidak tepat dan merosakkan mengenai peristiwa yang berlaku di rantau ini.

"Usaha sebelum ini dengan menerbitkan akhbar berbahasa Inggeris, Asia Times, beribu pejabat di Bangkok, Thailand, gagal apabila ia hanya mampu bertahan selama dua tahun.

"Oleh itu, adalah baik jika China dan Malaysia dapat bersama membuka jalan bagi melaksanakan cadangan berkenaan," katanya.

(END)